URBAN MANAGEMENT ADVISORS SDN. BHD.

lwn.

TEMANSETIA SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI, SHAH ALAM
DATUK WIRA WAN YAHYA BIN PAWAN TEH H.
[COMPANIES (WINDING-UP) NO. D 28-29-1991]
25 NOVEMBER 1992

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: Permohonan untuk penggulungan syarikat - Notis berkanun dibawah s. 218 Akta Syarikat 1965 - Samaada notis yang diberikan mengelirukan dan tidak tepat - Samaada notis tidak sah - Samaada responden solven - Samaada responden patut digulungkan - Samaada responden membangkitkan pertikaian yang jujur mengenai hutang tersebut.

Pempetisyen dan responden telah menandatangani satu perjanjian usahasama untuk membina dan menyiapkan satu projek perumahan kos rendah. Diantara lain adalah dipersetujui dalam perjanjian tersebut bahawa pempetisyen akan menyumbangkan wang sebanyak RM600,000 yang akan dibayar kembali oleh responden kepada pempetisyen dengan cara berperingkat menurut sijil Akitek yang dikeluarkan. Oleh kerana responden menghadapi masalah kewangan, ia telah mengeluarkan cek tertunda kepada pempetisyen dan apabila cek itu cuba ditunaikan, ia telah ditendang oleh bank.

Pempetisyen seterusnya menyerahkan notis dibawah s. 218(2) Akta Syarikat 1965 dan apabila responden tidak menyelesaikan tuntutan dalam notis tersebut, pempetisyen memohon untuk penggulungan responden atas alasan responden tiada keupayaan membayar hutang-hutangnya.

Responden membangkitkan dua isu dalam pembelaannya. Pertama bahawa notis berkanun yang diserahkan tidak tepat dan mengelirukan dan dengan demikian harus dianggap tidak sah dan kedua bahawa ia telah membangkitkan pertikaian yang jujur mengenai hutang tersebut.

Diputuskan:

[1] Adalah memadai bagi sesuatu notis dibawah s. 218 itu dibuat secara bertulis, bertarikh dan ditandatangani oleh pemiutang atau wakilnya dan mengandungi permintaan yang muktamad. Notis dalam kes ini mengandungi semua perkara tersebut dan selepas menyebut amaun yang dituntut, pempetisyen cuba terus menyebut dari mana timbulnya bukti bagi hutang tersebut. Perkara ini tidak perlu dimasukkan dan penyebutannya, walaupun salah, tiada memberi kesan atas keesahan notis tersebut.

[2] Dakwaan responden bahawa notis itu mengelirukan tidak dapat diterima kerana butir-butir mesyuarat responden menunjukkan responden tahu bukan sahaja amaun itu terhutang malahan di mesyuarat itu juga responden telah meluluskan pembayaran melalui cek tertunda untuk sebahagian amaun yang berhutang.

[3] Memandangkan fakta-fakta yang dikemukakan, didapati bahawa responden telah gagal menunjukkan bahawa mereka ada kes yang boleh mempertikaikan hutang yang dituntut secara *bona fide* dan mereka juga gagal menunjukan yang mereka solven pada masa itu.

[Permohonan plaintif untuk penggulungan responden dibenarkan].

Kes yang dirujuk:

Sri Hartamas Dvpt. Sdn. Bhd. lwn. MBf Finance Bhd. [1992] 1 CLJ 637, 639, 642 ***(diikuti)***

Re Yap Kim Kee & Sons Sdn. Bhd. [1990] 2 MLJ 108 ***(diikuti)***

Akta yang dirujuk:

Akta Syarikat 1965, ss. 218, 218(1)(e), 218(2) & 218(2)(a)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:

Companies Act, Buckley, 13th Edn., p. 460
Palmer's Company Precedents, 17th Edn., p. 26

Bagi pihak pempetisyen - Mohd. Yakob; T/n. S.A. Helmy & Partners
Bagi pihak responden - N. Mohanadas; T/n. Narayanan Mohanadas & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

Wan Yahya bin Pawan Teh H:

Petisyen untuk pengulungan syarikat responden ini dibuat berikutan Notis di bawah

s. 218(2) Akta Syarikat 1965. Wang yang dituntut berbangkit daripada perjanjian usahasama di antara pempetisyen dan responden. Fakta ringkas mengenai kes ini adalah seperti berikut:

Responden telah ditawarkan satu kontrak untuk membina dan menyiapkan suatu projek perumahan kos rendah untuk Perbadanan Setia Usaha Kerajaan Negeri Selangor. Berikutan itu responden telah menjemput pempetisyen supaya bersama-sama menyiapkan projek secara usahasama. Tawaran itu telah diterima oleh pempetisyen dan seterusnya satu perjanjian usahasama telah ditandatangan oleh kedua-dua pihak (ARMY 3). Adalah dipersetujui di antara perkara-perkara lain bahawa pempetisyen akan menyumbangkan wang sebanyak RM600,000 yang akan dibayar kembali oleh responden kepada pempetisyen (Fasal 7 ARMY 3) dengan cara berperingkat menurut sijil Akitek yang dikeluarkan. Di dalam Fasal 6 minit mesyuarat syarikat responden yang diadakan pada 17 Disember 1990 (ARMY 6) ada tercatit bahawa responden menghadapi masalah kewangan dan juga pengeluaran mengenai wang yang masih terhutang kepada pempetisyen kerana masa pembayaran balik wang pendahuluan itu telah tamat pada bulan Februari 1990. Seterusnya responden telah bersetuju mengeluarkan dua cek 'post dated' bertarikh 15 Januari 1991 bernilai RM50,000 tiap-tiap satu atas nama pempetisyen.

Kemudiannya responden telah melalui surat mereka yang diterima oleh pempetisyen pada 18 Januari 1991 meminta pembayaran cek itu ditangguhkan kerana masalah kewangan dan dalam satu surat lagi bertarikh 21 Januari 1991 responden mengemukakan lagi satu cek 'post dated' untuk dibayar pada 28 Februari 1991 sebagai pembayaran selanjutnya.

Ketiga-tiga cek itu telah ditolak oleh bank apabila pempetigyen cuba menunaikan cek-cek itu pada 5 Mac 1991. Lagi sekali responden menulis surat untuk diberi masa tetapi pada 29 Mac 1991 ketiga-tiga cek itu ditolak juga oleh bank.

Oleh yang demikian, notis di bawah s. 218(2) Akta Syarikat telah diserahkan kepada responden. Walau bagaimanapun di dalam notis tersebut, pempetisyen telah membuat sedikit kesalahan apabila mereka menyebut bahawa wang RM160,000.00 yang dituntut itu adalah pembayaran yang tidak dapat disempurnakan dari 2 cek, No. MBB 924420 dan No. MBB 924426. Sebetulnya cek-cek yang berkenaan adalah 3 keping cek No. BC 204147, BC 204150 bernilai RM50,000 tiap-tiap satu dan BC 221478 bernilai RM60,000 - lihat ARMY 9.

Undang-undang yang berkenaan dalam pertikaian ini adalah ss. 218(1)(e) dan 218(2)(a) yang berbunyi;

> 218(1) The Court may order the winding up if -
>
> (a) .....
> (b) .....
> (c) .....
> (d) .....
> (e) the company is unable to pay its debts;
>
> 218(2) A company shall be deemed to be unable to pay its debts if
>
> (a) a creditor by assignment or otherwise to whom the company is indebted in a sum exceeding five hundred ringgit then due has served on the company by leaving at the registered office a demand under his hand or under the hand of his agent thereunto lawfully authorized requiring the company to pay the sum so due, and the company has for three weeks thereafter neglected to pay the sum or to secure or compound for it to the reasonable satisfaction of the creditor;

Natijah daripada seksyen-seksyen ini adalah apabila satu notis sebagaimana yang dikehendaki di s. 218(2)(a) di atas telah diserahkan kepada sesuatu syarikat dan syarikat itu tidak membayar atau menyelesaikan tuntutan itu tiga minggu selepas tuntutan dibuat, maka timbullah satu anggapan bahawa syarikat itu tiada mampu membayar hutang-hutangnya. Dalam keadaan itu, Mahkamah bolehlah memerintah pengulungan syarikat di bawah s. 218(1)(e). Istilah atau ungkapan 'tiada keupayaan membayar hutang-hutangnya' (unable to pay its debts) dalam s. 218(2) itu haruslah ditafsirkan sebagai ketaksolvenan perdagangan (commercial insolvency) iaitu ketidakmampuan syarikat itu menghadapi tuntutan semasa, atau tuntutan yang dibuat pada masa itu juga, dengan tidak mengira samada syarikat itu mempunyai aset yang boleh menghasilkan penyelesaian liabilitinya

- lihat *Sri Hartamas Development Sdn. Bhd. lwn. MBF Finance Bhd.* [1992] 1 CLJ 637 di muka 642 oleh Gan Chit Tuan HMA yang menyebut pandangan Buckley dalam bukunya bertajuk **Companies Act** (13th Ed) di muka 460:

> ... A company may be at the same time insolvent and wealthy. It may have wealth locked up in investments not presently realizable; but although this be so, yet if it have not assets available to meet its current liabilities it is commercially insolvent and may be wound up.

Pada pandangan saya, apabila notis yang disebutkan di atas telah terbukti diserahkan kepada sesuatu syarikat, maka syarikat tersebut haruslah mematah cabaran anggapan ini dengan mempertikaikan hutang itu. Mereka bolehlah berbuat demikian dengan cara menunjukan kepada Mahkamah bahawa mereka boleh membangkitkan pertikaian yang jujur (*bona fide* dispute) mengenai hutang itu.

Responden telah membangkitkan dua isu dalam pembelaan mereka. Satu di antara dua itu ialah isu mengenai notis berkanun di bawah s. 218 Akta tersebut tiada tepat dan mengelirukan dan dengan demikian harus dianggap tidak sah. Yang keduanya responden menghujahkan bahawa mereka telahpun membangkitkan pertikaian yang jujur (*bona fide*) mengenai hutang tersebut.

Bagi memudahkan rujukan, diturunkan di bawah ini Notis tersebut bertanda A:

(Pursuant to s. 218(1)(e) of the Companies Act 1965)

To:

Temansetia Sdn. Bhd.,
Lot 308, 4th Floor,
Bangunan LUTH,
Jalan Kapar, 41400 Klang,
Selangor.

Re: Claim by Urban Management Advisors Sdn. Bhd.

Take Notice that you are required to pay to us as Solicitors for Urban Management Advisors Sdn. Bhd. or secure or compound to the satisfaction of Urban Management Advisors Sdn. Bhd. the sum of RM160,000 (Ringgit One Hundred and Sixty Thousand) only being the balance of monies advanced by Urban Management Advisors Sdn. Bhd. to you pursuant to the Agreement dated 20th day of February 1988 and for which purported payment you issued two Cheques No. MBB 924420 and MBB 924426 dated 1 September 1988 and 4 October 1988 respectively which was dishonoured upon presentation within twenty-one days from the date of receipt of this notice, failing which you shall be deemed unable to pay your debt and appropriate action will be taken for the winding up of Temansetia Sdn. Bhd.

Dated 9 April 1991.

Sgd. S.A. Helmy & Partners,
Solicitors for Urban Management
Advisors Sdn. Bhd.

Isu pertama ini seperti yang telah disebutkan awal tadi ialah berkenaan kesilapan pempetisyen menyebut dalam notis itu dua cek No. MBB 924420 dan 924426 bertarikh 1 September 1988 dan 4 Oktober 1988 tiap-tiap satu bernilai RM20,000. Cek-cek ini adalah pembayaran yang dibuat pada tahun 1988 dan tiada ada kaitan terus dengan RM160,000 yang dituntut. Responden seterusnya mengetahui bahawa ini hanya satu kesilapan kerana jumlah kedua-dua cek ini adalah RM40,000 sahaja, lagi pun responden sedia tahu bahawa cek-cek ini telah ditunaikan. Mereka juga sedia maklum bahawa RM160,000 itu adalah tuntutan bagi suatu amaun yang telah mereka akui di dalam mesyuarat pengurusan syarikat mereka pada 17 Disember 1990 - lihat ARMY 6.

Yang berbangkit daripada isu ini ialah soal samada Notis di bawah s. 218 ini harus ditulis menurut sesuatu format dan mengandungi perkara-perkara yang tertentu. Menurut Zakaria Yatim J dalam kes *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn. Bhd.* [1990] 2 MLJ 108, notis ini haruslah mengandungi tuntutan bertulis, dan ditandatanggani oleh pemiutang atau wakilnya dan menyebut amaun yang berhutang dengan spesifik. Notis itu harus diserahkan di pejabat berdaftar syarikat berkenaan. Pendapat ini telah disahkan oleh Gan Chit Tuan HMA di dalam kes Mahkamah Agung - *Sri Hartamas Development Sdn. Bhd. lwn. MBF Finance Bhd.* (rujukan disebut sebelum ini) di muka 639 seperti berikut:

> Here we would agree with Zakaria J in that case that the demand in writing need not be in any special form as stated in **Palmer's**

Company Precedents (17th Edn) at p. 26. The demand need not use the word "demand" and a peremptory "request" or "call" for payment would suffice. We would also agree with Zakaria J who cited and followed *Bateman Television Ltd. v. Coleridge Finance Ltd.* [1969] NZLR 794, in which case it was pointed out that the whole purpose of a demand is to warn the debtor of an impending petition.

Nyata sekali daripada kes-kes di atas bahawa adalah memadai bagi sesuatu Notis di bawah s. 218 itu dibuat secara bertulis, bertarikh dan ditandatangani oleh pemiutang atau wakilnya dan mengandungi permintaan yang muktamad.

Notis (Exhibit A) di dalam kes ini mengandungi semua perkara-perkara yang disebutkan dan selepas menyebut amaun yang dituntut, pempetisyen terus cuba menyebut dari mana timbulnya bukti bagi hutang ini. Perkara ini tidak perlu dimasukkan dan penyebutannya, walaupun salah, tiada memberi kesan atas keesahan notis tersebut.

Begitu juga saya tak dapat menerima dakwaan responden bahawa notis itu mengelirukan. Jumlah yang dituntut adalah jelas sekali sebanyak RM160,000. Butir-butir mesyuarat ARMY 6 menunjukan responden tahu bukan sahaja amaun itu terhutang malahan di mesyuarat itu juga mereka telah meluluskan pembayaran RM100,000 dengan 2 cek 'post dated' bernilai RM50,000 tiap-tiap cek. Seterusnya melalui suratnya bertarikh 21 Januari 1991 responden telah mengeluarkan sekeping cek lagi bernilai RM60,000 untuk tujuan yang sama.

Isu kedua yang dikemukakan ialah wang yang dituntut salah hitungannya kerana RM40,000 telah dibayar melalui kedua cek yang disebutkan di dalam notis dan juga tuntutan ini tidak boleh dibuat kerana kontrak ini masih berkuatkuasa dan belum ditamatkan. Perkara mengenai salah hitungan telahpun dibincangkan di atas. Jumlah yang dituntut adalah RM160,000. Kedua-dua cek yang disalah-sebutkan bukanlah perkara yang perlu disebutkan di dalam sesuatu notis di bawah s. 218 dan responden sedia maklum mengenai cek-cek manakah yang ada kaitan. Demikian juga saya dapati hujah mengenai penghitungan tuntutan sehingga kontrak ditamatkan itu tiada boleh diterima. Perkataan 'hutang' (debt) dalam s. 218(1)(e) itu haruslah diberi makna biasa iaitu jumlah yang kena ketiga-ketiga cek-cek itu pada 5 Mac 1991, kesemuanya ditolak oleh bank. Selepas itu pada 14 Mac 1991 responden lagi sekali merayu supaya penunaian cek itu ditangguh. Akhirnya pada 29 Mac 1991 cek responden itu dikemukakan dan ditolak juga oleh bank.

Jelas sekali daripada peristiwa-peristiwa ini bahawa responden bukan sahaja berhutang sebanyak RM160,000 kepada pempetisyen tetapi juga syarikat responden tidak berkemampuan membayar hutang tersebut. Surat-surat yang dihantarnya kepada pempetisyen, jelas membuktikan mereka mengakui amaun itu terhutang dan mereka tidak dapat menyempurnakan hutang itu. Responden juga gagal menunjukan bahawa mereka solven pada masa notis itu dikeluarkan. Usaha-usaha responden untuk menentang petisyen ini bolehlah dianggap seperti menegakkan benang yang basah.

Memandangkan fakta-fakta yang dikemukakan, saya dapati bahawa responden telah gagal menunjukan kepada Mahkamah ini bahawa mereka ada kes yang boleh mempertikaikan hutang yang dituntut secara *bona fide* dan mereka juga gagal menunjukkan bahawa syarikat mereka solven pada masa itu.

Oleh yang demikian saya perintahkan sebagaimana dipohon supaya syarikat responden ini digulungkan.